

**KATA BAHASA
SUKUAN untuk
PERBENDAHARAAN
KATA
Bahasa Malaysia**

381



PERPUSTAKAAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KATA BAHASA SUKUAN untuk PERBENDAHARAAN KATA Bahasa Malaysia

HADIAH IKHLAS
Dewan Bahasa Dan Pustaka
Cawangan Sabah.

PERPUSTAKAAN DBP Cawangan, Sabah.	
No. Kelas: 499.2381KAT	
No. Perolehan: 005447	
Tarikh: 4.4.88	T.T

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1988

KK 400 – 3664 5101
ISBN 983 – 62 – 0106 – 8

© Hakcipta Dewan Bahasa dan Pustaka 1988
Cetakan Pertama 1988

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: Times New Roman
Saiz Taip Teks: 11/13

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang, Hulu Klang, Selangor Darul Ehsan.

\$1.00

Kandungan

Prakata	vii
Pendahuluan	ix
Cara Kerja dan Penilaian Kata	x
Ahli Jawatankuasa Kerja	xiii
Kata Bahasa Sukuan untuk Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia	1
Bibliografi	53

PRAKATA

Sebagaimana dimaklumi, negara Malaysia sedang dalam proses pembangunan yang menitikberatkan penyusunan semula masyarakat, pembangunan ekonomi, pembinaan perpaduan nasional, dan ketahanan negara. Sehubungan dengan hal ini, perancangan bahasa juga dapat memainkan peranan untuk membantu mencapai matlamat perpaduan nasional tersebut. Dalam hal ini, integrasi nasional dapat dipercepat prosesnya melalui aspek bahasa kebangsaan yang menjadi alat komunikasi bagi semua keturunan dan suku kaum yang menjadi warganegara Malaysia.

Sumbangan bahasa-bahasa suku kaum dalam perkembangan perbendaharaan kata dan peristilahan bahasa Malaysia amat penting dari segi integrasi nasional. Penyerapan kata-kata daripada bahasa-bahasa sukuan dari Sabah dan Sarawak ke dalam perbendaharaan kata bahasa Malaysia baku perlu diusahakan untuk mencapai matlamat tersebut.

Untuk tujuan tersebut, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Dewan Bahasa dan Pustaka mengusahakan projek pengumpulan kata bahasa sukuan dari Sabah dan Sarawak untuk diserapkan ke dalam bahasa Malaysia baku. Hasil permulaan daripada projek ini dapat diterbitkan di dalam buku yang mengandungi lima puluh patah perkataan ini. Usaha penyerapan kata daripada bahasa-bahasa sukuan dan dialek-dialek Melayu yang lain ke dalam perbendaharaan kata bahasa Malaysia akan dilakanakan terus dari semasa ke semasa. Semoga usaha-usaha seperti ini bukan sahaja dapat memperkaya dan memperkembang bahasa Malaysia tetapi juga memberi manfaat kepada integrasi nasional dan pembinaan negara pada keseluruhannya. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan projek ini.

Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka.

2 Februari 1988.

PENDAHULUAN

Bahasa Malaysia yang sedang berkembang sesuai dengan zaman sains dan teknologi ini tidak dapat terlepas daripada mengambil kata-kata bahasa asing terutama daripada bahasa Inggeris. Hal ini dirasakan penting untuk menampung kekurangan perbendaharaan kata yang dialami oleh bahasa Malaysia, terutama dalam bidang peristilahan.

Walaupun begitu, perhatian perlulah ditumpukan kepada bahasa-bahasa sukuan atau dialek yang terdapat di Malaysia. Perhatian ini perlu kerana di Malaysia terdapat berpuluh-puluh bahasa sukuan terutama di Sabah dan Sarawak yang belum dikumpul dan diperkenalkan ke seluruh negara. Dengan perkataan lain, kebanyakan bahasa sukuan di Sabah dan Sarawak hanya dituturkan dan difahami oleh suku bangsa yang terdapat di kedua-dua negeri tersebut.

Keadaan ini tidaklah terus berlanjutan. Atas kesedaran bahawa setiap bahasa sukuan atau dialek yang terdapat di Malaysia ini perlu terlibat dalam usaha pembinaan dan pengembangan bahasa Malaysia, maka usaha untuk mengumpul perbendaharaan kata bahasa sukuan telah dijalankan oleh DBP Cawangan Sabah dan DBP Cawangan Sarawak (Sabah bermula pada tahun 1986 dan di Sarawak sebelum tahun 1983). Dengan demikian, dapatlah dikumpulkan perbendaharaan kata daripada bahasa-bahasa sukuan di Sabah dan Sarawak.

Berdasarkan data yang telah dikumpulkan itu, dapatlah diadakan pemilihan kata yang sesuai untuk dijadikan perbendaharaan kata bahasa Malaysia baku. Apabila hal ini dilakukan, maka kata yang telah terpilih itu akan dikenal dan dituturkan serta difahami oleh penutur bahasa Malaysia; dengan itu akan tercapailah salah satu daripada cita-cita kerajaan untuk mengintegrasikan masyarakat Malaysia melalui bahasa.

Bagi suku bangsa yang katanya telah dipilih dan dimasukkan ke dalam perbendaharaan kata bahasa Malaysia, mereka akan merasa bahawa bahasa sukuan mereka juga diiktiraf sebagai salah satu bahasa sukuan yang terlibat dalam proses pembinaan dan pengembangan bahasa Malaysia. Dengan

demikian, mereka akan merasa bahawa bahasa Malaysia merupakan bahasa pertuturan mereka, dan mereka juga akan merasa bahawa bahasa sukuan yang dituturkan bukanlah merupakan bahasa asing kepada bahasa Malaysia. Selain itu, dengan kemasukan kata daripada bahasa sukuan Sabah dan Sarawak, maka jumlah perbendaharaan kata bahasa Malaysia baku akan bertambah dan juga akan memperlengkap perbendaharaan kata dalam bahasa Malaysia.

Jadi sebagai langkah pertama untuk mencapai matlamat tersebut, sebanyak lima puluh kata bahasa sukuan dari Sabah dan Sarawak, akan disenaraikan dalam risalah ini untuk dijadikan perbendaharaan kata bahasa Malaysia baku.

Cara Kerja dan Penilaian Kata

Penyelenggaraan projek ini diuruskan oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada 29 orang dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Annuar Ayub, Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 8 orang dari DBP pusat termasuk pengerusi, 6 orang dari DBP Sabah dan 15 orang dari DBP Sarawak.

Bahan perbincangan telah disediakan oleh tiga pihak, iaitu DBP Pusat, DBP Sarawak dan DBP Sabah. DBP Pusat telah menyediakan sebanyak 150 kata sukuan dari Sabah dan Sarawak, DBP Sarawak telah menyediakan sebanyak 170 kata sukuan dari Sarawak, manakala DBP Sabah menyediakan sebanyak 70 kata sukuan dari Sabah. Oleh itu jumlah keseluruhan kata yang telah disediakan untuk dibincangkan ialah 390 perkataan.

Pemilihan kata untuk projek ini dijalankan secara bermesyuarat. Setiap wakil diberi masa selama satu hari untuk mengemukakan bahan-bahan yang telah dikumpulkan. Setelah bahan-bahan tersebut dikemukakan kepada sidang, maka bahan tersebut akan dibincangkan secara terperinci oleh anggota sidang berdasarkan kriteria berikut:

- (a) Makna yang terkandung pada kata yang dikemukakan tidak terdapat dalam bahasa Malaysia baku,
- (b) Kata tersebut tidak ada konsepnya dalam bahasa Malaysia baku,

- (c) Kemampuan kata tersebut untuk menggantikan kata bahasa Inggeris.

Setiap kata yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa untuk dijadikan kata bahasa Malaysia baku perlulah disertai dengan keterangan-keterangan seperti berikut:

- (a) Makna kata yang telah dipilih,
- (b) Bahasa sumber, iaitu daripada bahasa sukuan yang manakah kata tersebut diambil,
- (c) Kata seerti untuk kata yang telah dipilih,
- (d) Kelas kata untuk kata yang dipilih,
- (e) Bentuk kata terbitan (jika ada),
- (f) Contoh penggunaan kata tersebut dalam ayat bahasa Malaysia,
- (g) Sebab-sebab pemilihan kata berkenaan.

Kata yang telah dipersetujui untuk dipilih dan telah diberikan keterangan lengkap sebagaimana yang dikehendaki akan dibincangkan sekali lagi oleh ahli jawatankuasa pada hari berikutnya. Setelah semua jawatankuasa bersetuju dan berpuas hati terhadap keterangan yang perlu ada pada kata tersebut, barulah kata itu diterima untuk dijadikan perbendaharaan kata bahasa Malaysia baku.

SENARAI NAMA JAWATANKUASA KERJA

1. Tuan Haji Annuar Ayub – Timbalan Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.
(Pengerusi Jawatankuasa Kerja)
2. Encik Ismail bin Dahaman – Ketua Bahagian Penyelidikan,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.
(Timbalan Pengerusi Jawatan-
kuasa Kerja)
3. Encik Zainal Abidin
Zulcifly – Pengarah DBP,
Cawangan Sarawak.
4. Encik Hamdan Yahya – Pengarah DBP,
Cawangan Sabah.
5. Encik Abd. Jalil Hj. Anuar – (DBP – Kuala Lumpur).
6. Encik Abd. Karim Salleh – (Sarawak).
7. Encik Adi Badiozaman Tuah – (Sarawak).
8. Encik Albert Menteri Tudin – (Sarawak).
9. Puan Asiah Hj. Ahmad – (DBP – Kuala Lumpur).
10. Encik Augustine Anggat – (Sarawak).
11. Encik Bakhruddin Ismail – (DBP – Sabah).
12. Encik Elli Luhah – (Sarawak).
13. Puan Esah Hj. Rahmat – (DBP – Kuala Lumpur)
14. Encik Ilyas Abdullah – (Sarawak).
15. Tuan Haji Indan Putong – (Sabah).
16. Datuk Hj. Ismail Gimbad – (Sabah).
17. Encik Kadri Jili – (Sarawak).
18. Encik Ken Paran Matu – (Sarawak).
19. Tuan Hj. Latif Gampus
@ Surieng, K.A.N. – (Sabah).
20. Awangku Merali Pengiran
Mohamed – (Sarawak).
21. Encik Mohd. Esmawi Hj.
Husly – (Sarawak).
22. Encik Mohd. Nor Hj. Abd.
Ghani – (DBP – Kuala Lumpur).

23. Tuan Hj. Mohd. Yusop Hj. Taib – (DBP – Sarawak).
24. Abang Patdeli Abang Muhi – (DBP – Sarawak).
25. Puan Rahmah Ja'afar – (DBP – Kuala Lumpur).
26. Puan Rosmawati Mohd. Ali – (DBP – Kuala Lumpur).
27. Encik Ujang Himang – (DBP – Sarawak).
28. Encik Zaini Oje @ Ozea – (DBP – Sarawak).
29. Cik Hajah Zaiton Hj. Ajamain – (DBP – Sabah).

**Kata Bahasa Sukuan untuk Perbendaharaan
Kata Bahasa Malaysia**

1. Adan

Kata nama daripada bahasa Melayu Sarawak, Iban dan Melanau ini membawa dua pengertian. Pertama, sama maknanya dengan kata “sempadan” dalam bahasa Malaysia. Kedua ialah, “garis permulaan dan/atau garis penamat”. Kata ini diambil ke dalam bahasa Malaysia untuk makna yang kedua sahaja, iaitu sebagai kata seerti yang lebih ringkas daripada bentuk rangkai kata “garis permulaan dan/atau garis penamat” dalam bidang sukan perlumbaan. Contoh penggunaan dalam ayat:

Padang Merbuk menjadi **adan** bagi perlumbaan basikal Hari Wilayah.

Dalam beberapa dialek di Semenanjung seperti dialek Kedah dan Perak, kata **adan** membawa pengertian **adang-adang**, iaitu halangan yang dibuat daripada kayu atau buluh pada pintu, khusus supaya kanak-kanak kecil tidak jatuh atau keluar dari rumah.

2. **Ambulung atau Lemantak**

Kata **ambulung** atau **lemantak** yang terdapat dalam kebanyakan bahasa tempatan di Sabah dan Sarawak, juga dalam bahasa Melayu Brunei, ialah kata khusus untuk merujuk kepada “tepung sagu yang mentah sama ada dalam keadaan kering atau basah”. Disebabkan maknanya itu khusus, kedua-dua kata ini sesuai diketengahkan ke dalam bahasa Malaysia, sebagai kata seerti yang lebih ringkas daripada bentuk rangkai kata “tepung sagu”.

Contoh penggunaan dalam ayat:

Masakan yang disebut linut di Sarawak atau ambuyat di Sabah dan Brunei diperbuat daripada **ambulung** atau **lemantak**.

3. Ampuk

Kata **ampuk** membawa makna “hampir kena” atau “nyaris-nyaris kena” atau *missed* dalam bahasa Inggeris seperti dalam permainan dan sukan yang ada sasaran tertentu. Kata keterangan ini digunakan secara meluas dalam bahasa Kedayan dan bahasa Melayu Brunei. Kata ini diambil kerana konsep *missed* tidak ada padanan yang tepat dalam bahasa Malaysia. Walaupun ada kata “sipi”, tetapi kata ini membawa pengertian yang berbeza, iaitu “terkena sedikit pada sasaran”. Untuk melihat perbezaannya, bandingkan kedua-dua ayat yang berikut:

- i. Bola pimpong yang di atas mulut botol itu tidak jatuh kerana tembakan peluru gabusnya **ampuk**.
- ii. Bola pimpong yang di atas mulut botol itu jatuh walaupun tembakan peluru gabusnya **sipi** sahaja.

Kata **ampuk** dalam *Kamus Dewan* merujuk kepada sejenis burung, iaitu “burung ampuk” atau “burung sentali” atau “burung teteguk” ataupun “burung tukang besi”.